

Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua UMS pada 30 Mac ini

UB 14.3.2019 BG

KOTA KINABALU: Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah (PTHUMS19) yang Ke-8 akan berlangsung pada 30 Mac ini di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Baharu Ke-2 (DKP Baru), Universiti Malaysia Sabah (UMS), bermula jam 6 petang sehingga 10 malam.

Tahun ini, tema akan dikembalikan dengan 'Terbit' (Arise).

Terbitan matahari melambangkan harapan dan memberi satu semangat untuk memacu ke hadapan. Situasi ini sepadan dengan semangat penganjur untuk meneruskan lagi kewarisan inti-pati kesenian budaya Cina yang diwarisis sejak beribu-ribu tahun dahulu. Keistimewaan budaya Tionghua patutlah dikongsi dan dihayati oleh semua orang tanpa kira kaum dan agama.

PTHUMS19 sekali lagi menyediakan rangkaian persembahan berdasarkan unsur-unsur budaya Cina. Tarikan utama tahun ini ialah Kejohanan Tarian Singa Universiti Malaysia Sabah yang dianjurkan dengan kerjasama Malaysia Hong Teck Association dan Sabah San Sheng Gung (Hong Teck) Liondance Sport Association.

Kejohanan Tarian Singa UMS akan diadakan pada 29 Mac 2019, bermula jam 9 pagi hingga jam 6 petang di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Baharu Ke-2 (DKP Baru).

Kejohanan tarian singa



ini merupakan kali pertama dianjurkan oleh mahasiswa UMS dan tidak pernah lagi diadakan di peringkat universiti lain.

Kemasukan untuk Kejohanan Tarian Singa UMS adalah percuma. Kumpulan tarian singa yang menjadi johan akan berpeluang membuat persembahan pada Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua Ke-8.

Tiket untuk Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua Ke-8 dibahagi kepada dua peringkat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Kah Chun (018-7682511), Yen Ling (012-6876189) atau Jordan Tee (011-29696860). Marilah kita bersama-sama memeriahkan pesta ini. Pelbagai persembahan dan cabutan bertuah sedang menanti anda!..

Kejohanan Tarian Singa UMS		Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua Ke-8	
Pelajar	KEMASUKKAN PERCUMA	Pembelian Awal (sebelum 22 Mac 2019)	Pembelian Biasa (selepas 22 Mac 2019)
Pelajar		RM10	RM 15
Orang Awam		RM 15	RM 20